



**UCAPAN PENGGULUNGAN
SEMPENA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
oleh
ADUN. TUAN SOON LIP CHEE,
PENGERUSI JAWATANKUASA
BELIA DAN SUKAN**

Yang Berhormat Dato'
Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang,

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Dewan
Undangan Negeri,

Ketua-ketua Jabatan Kerajaan,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

Di kesempatan ini, saya mengambil peluang menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan bagi isu-isu yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri berkaitan Belia dan Sukan.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

perbahasan pada kali ini terutamanya yang melibatkan portfolio saya. Saya percaya bahawa isu-isu yang dibangkitkan adalah untuk memantapkan lagi mutu sukan dan memperkasakan pembangunan golongan belia di negeri Pulau Pinang.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan sebanyak RM15.4 juta bagi pelaksanaan keseluruhan program di bawah pembangunan sukan dan kawasan lapang, serta peruntukan sebanyak RM1 juta kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) untuk perbelanjaan, mengurus dan pelaksanaan program.

PEMBANGUNAN SUKAN BERPRESTASI TINGGI NEGERI

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila pandemik COVID-19 melanda hampir seluruh dunia, penjagaan penjarakan sosial diberi keutamaan, malah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diisytiharkan kepada semua urusan perniagaan, pendidikan, aktiviti kehidupan serta sosial manusia pada 18 Mac lalu. Langkah ini dilihat sebagai satu langkah yang efektif dalam membendung pandemik ini, namun ia juga telah meninggalkan kesan yang ketara kepada industri sukan di negara ini.

Program latihan dan penganjuran kejohanan-kejohanan terpaksa ditunda ekoran penularan wabak ini. Kejohanan Sukan Malaysia edisi ke-20 Johor yang sepatutnya dilangsungkan dari 11 hingga 19 Julai 2020 telah ditunda penganjurannya ke bulan April pada tahun 2021. Berikutan daripada penangguhan latihan atlet, ianya telah menyebabkan proses periodisasi bagi persediaan atlet yang dijalankan selama dua tahun terjejas usahanya dan perlu bermula semula dengan tempoh baki yang terhad sebelum

Kontinjen Negeri bertanding di SUKMA Johor. Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah menyediakan rangka kerja kesinambungan program latihan dan penyediaan atlet berprestasi tinggi pasca COVID-19 bagi persiapan atlet Negeri Pulau Pinang untuk menghadapi SUKMA Johor 2021.

Rangka kerja tersebut melibatkan pelaksanaan secara berfasa iaitu Fasa 1 (Penyesuaian Latihan), Fasa 2 (Pra-Pembukaan Latihan Penuh) dan Fasa 3 (Pembukaan Latihan Penuh) mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan dan adalah tertakluk kepada arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. MSNPP gigih meneruskan jalinan kerjasama dengan Persatuan-Persatuan Sukan Negeri yang terlibat untuk memperkukuhkan lagi penyediaan 725 atlet negeri daripada 31 disiplin sukan dibawah skuad latihan Sukan Malaysia XX, Johor 2021. Sasaran utama Kontinjen Negeri Pulau Pinang di Sukan Malaysia XX, Johor 2021 nanti adalah untuk mengatasi sasaran pungutan pingat emas yang dicapai semasa Sukan Malaysia XIX, Perak 2018 (32 emas, 30 perak, 31 gangsa) serta meletakkan negeri Pulau Pinang dalam kedudukan antara lima negeri terbaik dalam Sukan Malaysia.

Bagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan satu unit khas yang diberi nama Unit Program Atlet Muda dan Atlet Akar Umbi. Unit ini bertujuan untuk melahirkan bakar-bakat baru di seluruh pelusuk negeri Pulau Pinang bagi memastikan kesinambungan program atlet berprestasi tinggi tidak tertandus untuk mendapatkan bekalan atlet yang berkualiti pada masa-masa yang akan datang.

INISIATIF SUKAN UNTUK SEMUA

Terima kasih kepada **ADUN Air Putih**, yang menekankan peri pentingnya aktiviti sukan rakyat dalam memupuk persahabatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan aktif secara holistik dan menyeluruh di samping memupuk perpaduan kaum dalam kalangan penduduk Pulau Pinang melalui penganjuran program Sukan Untuk Semua atau "*Sports For All*". Pelaksanaan program *Sports For All* bersama Persatuan Sukan Negeri akan diperluaskan sepenuhnya dengan penganjuran Klinik Pengenalan Sukan, Klinik Kejurulatihan dan Kursus Pengadil. Dengan adanya lebih banyak klinik sukan, kita juga harap dapat mencungkil bakat-bakat baharu untuk diketengahkan ke persada yang lebih tinggi.

Berhubung cadangan penganjuran klinik sukan di kawasan luar bandar seperti yang dibangkitkan oleh **ADUN Bertam**, sememangnya dibawah inisiatif *Sports For All*, pelbagai program sukan yang melibatkan penganjuran klinik sukan di daerah-daerah termasuk kawasan luar bandar telah dilaksanakan. Pada tahun 2019 sebanyak 13 program sukan telah dianjurkan dan pada tahun 2020 sebanyak 8 program telah dilaksanakan dibawah Program *Sports For All*. Program-program tersebut adalah seperti berikut :

2019:

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	DAERAH	KADUN
1.	Chess for all tournament	13 & 20 Jan 2019	Prangin Mall	Timur Laut	KOMTAR
2.	Kejohanan Bola Keranjang Muda 2019	27 Jan – 5 April 2019	Gelanggang Bola Keranjang Island Glades	Timur Laut Seberang	Seri Delima,

			Gelanggang Bola Keranjang Kota Permai	Perai Tengah	Padang Lalang
3.	1st Penang Softball Cup 2019	28 - 31 Mac 2019	Padang Polo	Timur Laut	Kebun Bunga
4.	Kejohanan Bola Jaring Muda 2019	6 April 2019	Kompleks Sukan Balik Pulau	Barat Daya	Pulau Betong
5.	E-Sport "The Elite Championship Series Penang 2019"	3 - 5 Mei 2019	The Top, Level 5	Timur Laut	KOMTAR
6.	Bulan Olimpik Karnival: Sukan Bowling, VolleADUNall, Sepaktakraw dan Badminton	12 - 23 Jun 2019	Aspiration Centre & Megamall Bowling Centre, Arena Sukan USM Azman Hashim (VolleADUNall & Sepaktakraw), Kompleks Sukan, Bandaraya Relau (Badminton)	Barat Daya	Padang Kota, Perai Pantai Jerejak, Batu Uban, Paya Terubong
7.	Kejohanan Bola Baling Muda 2019	27 Julai 2019 - 28 Julai 2019	Safira Sports Planet	Seberang Perai Tengah	Seberang Jaya
8.	Kejohanan Floorball Remaja Kebangsaan dan Klinik Pengenalan Sukan Floorball	1-4 Ogos 2019	Safira Sports Planet	Seberang Perai Tengah	Seberang Jaya
9.	Kejohanan Wushu Traditional 2019	21 - 22 September 2019	Mydin Mall	Seberang Perai Tengah	Perai
10.	Fiesta Karate Pulau Pinang 2019	19 & 20 October 2019	Sunway Carnival	Seberang Perai Tengah	Seberang Jaya
11.	Fiesta Judo Pulau Pinang 2019	23 & 24 Nov 2019	1st Avenue Mall	Timur Laut	KOMTAR

12.	Klinik Pengenalan Sukan & Kejohanan Petanque Open Double Tertutup Jemputan Negeri Pulau Pinang 2019	14 - 15 Disember 2019	SMK Permatang Tok Jaya	Seberang Perai Utara	Teluk Ayer Tawar
13.	Klinik Bolasepak bersama Kelab Fagiano Okayama	21 Disember 2019	Stadium Negeri Batu Kawan	Seberang Perai Tengah	Bukit Tambun

2020:

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	DAERAH	KADUN
1	Chess for all tournament 2020	11 Januari 2020	Prangin Mall	Timur Laut	KOMTAR
2	Klinik Tenis 2020	18 Januari 2020	Universiti Sains Malaysia	Timur Laut	Batu Uban
3	Klinik Bolasepak Football Fantasia	18 Januari 2020	Stadium Bandaraya	Timur Laut	Datok Keramat
4	Kejohanan Esports Dota & CS	22 & 23 Februari 2020	Pusat Sukan Elektronik Landscape	Seberang Perai Utara	Bagan Jermal
5	Klinik Bola Keranjang	29 Februari 2020	Universiti Sains Malaysia	Timur Laut	Batu Uban
6	Penang Floorball Academy 2020	3 Oktober 2020	Dewan Pasar Awam Balik Pulau	Barat Daya	Pulau Betong
7	Klinik Futsal	3 & 4 Oktober 2020	Jesselball Alma	Seberang Perai Selatan	Bukit Tambun
8	SportsForAll @ Stadium Negeri Batu Kawan	23 September – 25 Oktober 2020	Stadium Negeri Batu Kawan	Seberang Perai Tengah	Bukit Tambun

Selain sukan berprestasi tinggi, MMK Belia dan Sukan juga berhasrat untuk mempromosikan sukan tradisional yang semakin dilupakan oleh

orang ramai dalam era digital ini dibawah inisiatif *Sports For All*. Sukan-sukan tradisional ini termasuk sepak raga tuju, layang-layang dan sebagainya. MMK Belia dan Sukan akan bekerjasama dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang untuk menganjurkan Pesta Layang-Layang pada bulan Disember 2020 ini bertempat di Stadium Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan. Pesta Layang-layang ini termasuk bengkel layang-layang, pameran wau dan pertunjukan layang-layang gergasi. Walau bagaimanapun, pengajuran pesta ini masih tertakluk kepada keadaan dan situasi semasa pandemik COVID-19.

Selain itu, satu klinik dan pertandingan sepak raga tuju akan diadakan pada bulan Disember dengan kerjasama MPKK Guar Kepah bertempat di Dewan Penempatan Banjir Pengkalan Bonggol yang akan dijadikan sebagai Pusat Belia Penaga.

PROGRAM PACE – PENANG ATHLETE CAREER EDUCATION (Program Pendidikan, Kerjaya dan Kebajikan Atlet Negeri Pulau Pinang)

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan program **PACE** (Penang Athlete Career Education) iaitu program yang menyokong hasrat dalam melahirkan atlet prestasi tinggi dalam sukan dan juga berpendidikan tinggi serta membina laluan kerjaya kepada atlet.

Untuk merealisasikan program ini “Akaun Tabung Amanah Sukan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang” akan diwujudkan. Tabung ini akan menjadi sumber kewangan utama dalam membantu atlet-atlet Negeri Pulau

Pinang dalam bidang pendidikan, kerjaya dan kebajikan. MSNPP akan memperuntukan RM200,000.00 bagi menggerakkan program PACE.

Dalam menyediakan ruang dan peluang pendidikan kepada atlet-atlet negeri, MSNPP telah bekerjasama dengan beberapa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di dalam Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk memudahkan penempatan belajar atlet dengan pusat latihan serta menjadikan IPTA / ILKA yang dipilih berperanan sebagai pusat latihan negeri dan dalam masa yang sama lebih ramai atlet negeri dari pelbagai jenis sukan dapat ditempatkan di IPTA / ILKA tersebut untuk melanjutkan pengajian.

Melalui inisiatif ini, Unit PACE telah setakat ini berjaya membantu lima (5) orang atlet Negeri Pulau Pinang mendapatkan tawaran penempatan di IPTA tempatan seperti

1. Kambeswaran a/l Mohanaraja dari Sukan Memanah di USM,
2. Nor Atikah binti Zaini dari Sukan Bola Jaring
3. Mohamad Hafiz bin Halim dari Sukan Pencak Silat,
4. Muhammad Hazwan bi Abdul Wahab dari Sukan Angkat Berat; dan
5. Muhammad Haziq bin Mohamad Sa'audi dari Sukan Olahraga di UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Melalui kerjasama ini, MSNPP akan berkolaborasi dengan syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang berminat untuk mendapatkan tenaga kerja muda yang boleh bertoleransi dengan masa latihan sukan dimana terdapatnya keperluan untuk atlet menjalani latihan secara separuh masa atau sepenuh masa dan bekerja pada waktu yang sama.

INDEKS SUKAN & SPORTS MASTER PLAN

Tuan Yang di-Pertua,

MMK Belia dan Sukan telah memohon maklumat Kompleks Sukan, Kemudahan Sukan dan Gelanggang Sukan di negeri Pulau Pinang daripada semua ADUN dan agensi kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang pada surat yang bertarikh 17 Julai 2020.

Maklumat yang dikumpul telah dihantar kepada pihak Bahagian Teknologi maklumat dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan pemetaan supaya orang awam boleh mendapat maklumat dan lokasi kemudahan-kemudahan sukan di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, saya ingin sekali lagi memohon kerjasama dan jasa baik ADUN-ADUN yang belum hantar maklumat-maklumat kemudahan sukan di kadun masing-masing, supaya menghantar maklumat-maklumat tersebut melalui email kepada pejabat saya sebelum 1 November 2020. Pemetaan kemudahan sukan ini akan membantu dalam perancangan pembangunan kemudahan sukan di bawah *Penang Sports Master Plan*.

Menyahut seruan YAB Ketua Menteri, MMK Belia dan Sukan juga akan bekerjasama dengan Penang Institute untuk menyediakan Index Sukan Negeri Pulau Pinang bagi mengumpul dan menganalisis data-data mengikut keperluan dan kegemaran aktiviti sukan semua golongan lapisan masyarakat. Berdasarkan hasil Index Sukan, Kerajaan Negeri

Pulau Pinang akan dapat mengenalpastikan serta menyediakan fasiliti sukan yang masih kekurangan dan dingini oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Dengan adanya Index Sukan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan menyediakan *Penang Sports Master Plan* supaya dapat menggalakkan rakyat negeri Pulau Pinang untuk bergiat dalam bidang sukan.

Di bawah *Penang Sports Master Plan*, ianya akan merangkumi:

- 1) Pembangunan atlet
- 2) Pembangunan kemudahan / fasiliti sukan
- 3) Pembangunan sukan massa / sukan komuniti

Di bawah inisiatif ini, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Negeri Pulau Pinang berserta agensi-agensi kerajaan negeri sedang merangka “Pelan Induk Kemudahan Sukan Negeri Pulau Pinang”. Tujuannya adalah untuk memastikan negeri Pulau Pinang mempunyai kemudahan sukan yang mencukupi serta kesiapsediaan untuk kegunaannya bagi penganjuran pertandingan sukan berperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Satu perancangan pembangunan yang sempurna akan disediakan berdasarkan keperluan rakyat dan pembangunan sukan. Ianya akan dibahagikan kepada pembangunan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang mengikut keperluan dan lokasi.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menjadikan Batu Kawan sebagai Hub Sukan Utama yang akan menempatkan pelbagai

infrastruktur dan kemudahan sukan. Dengan memastikan adanya kemudahan-kemudahan sukan bertaraf dunia, negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Sukan akan lebih berpeluang untuk menjadi tuan rumah kepada lebih banyak kejohanan dunia pada masa hadapan. Pada masa yang sama, ia juga dapat dijadikan pusat latihan utama kepada atlet-atlet negeri dan negara serta memastikan kibaran jalur gemilang di podium pemenang sentiasa berkumandang bersama dengan lagu kebangsaan Negaraku.

Di bawah cadangan *Sports City*, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang kini juga dalam rancangan untuk memanggil RFP dalam tahun ini bagi cadangan pembinaan litar perlumbaan di Batu Kawan yang merupakan salah satu manifesto Pakatan Harapan pada tahun 2018.

MMK Belia dan Sukan bersama Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang, MBSP serta Persatuan Basikal G Club juga sedang mengenalpastikan laluan basikal yang akan menjadi "Green Connectivity" di Batu Kawan.

PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG

Untuk makluman **ADUN Bukit Tambun**, permohonan peruntukan bagi menaiktaraf Stadium Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan telah dimasukkan dalam senarai permohonan Projek Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK 12).

Untuk makluman **ADUN Bukit Tambun** juga, cadangan Karnival Batu Kawan 2021 adalah seperti :

- i. Satu kilang satu sekolah;
- ii. Satu kilang satu kelab bola sepak;
- iii. Toyota Gazoo Racing;
- iv. Petronas Cuprix;
- v. Penang International Flower, Fruit and Food Festival 2021 (PIFFFF 2021);
- vi. Karnival Sukan Batu Kawan Industrial Park dan Penang Science Park;
- vii. Karnival Jualan Ramadan;
- viii. Acara-acara Sukan Pelancongan seperti Fun Run; Duathlon; dan Penang Ultra Marathon.

Bagi menjawab pertanyaan **ADUN Bukit Tambun** juga, buat masa sekarang, PSDKLPP tidak bercadangkan untuk menjadikan Stadium Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan sebagai Home Ground bagi Liga Super 2021. Walau bagaimanapun, PSDKLPP bersedia untuk membenarkan pihak FAP untuk menjalankan latihan dan juga perlawanan Liga Super 2021.

Untuk menjawab isu yang dibangkit oleh **ADUN Berapit** mengenai pengambil alihan semua kawasan lapang di bawah PBT, adalah dimaklumkan bahawa buat masa ini PSDKLPP belum bersedia untuk mengambil alih semua tanah-tanah lapang milik PBT disebabkan ini akan meningkatkan beban kewangan PSDKLPP dan juga tenaga kerja yang belum mencukupi.

Seterusnya saya akan menjawab kepada isu yang berkaitan dengan penyerahan kemudahan sukan oleh PBT kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang yang dibangkitkan oleh **ADUN Batu Lanchang, ADUN Bagan Dalam, ADUN Machang Bubuk dan ADUN Berapit.**

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang telah mula beroperasi pada 1 Januari 2020.

Misi penubuhan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang adalah untuk menjadikan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi di bawah pengurusan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang sebagai pilihan utama penggunaan dan penganjuran acara sukan dan rekreasi di peringkat antarabangsa.

Penyerahan pengurusan dan penyelenggaraan stadium dan kawasan lapang kepada Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang adalah untuk membangun, mengurus, mengawal dan menyelenggara stadium dan kawasan lapang di Pulau Pinang selaras dengan objektif penubuhan perbadanan. Sehingga kini, terdapat 4 buah kemudahan sukan dan sebuah dewan telah diserahkan kepada perbadanan, iaitu:

- i. Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan;
- ii. Dewan Milenium Kepala Batas;
- iii. Kompleks Renang Awam Seberang Jaya;
- iv. Kompleks Sukan Dan Rekreasi Sony, Seberang Jaya; dan

v. Kompleks Sukan Balik Pulau;

Buat masa ini, kadar sewaan di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan masih dikekalkan seperti mana kadar yang dicajkan oleh PDC kepada pengguna sebelum-sebelum ini. Perbadanan juga sedang merangka strategi bagi menjana pendapatan daripada kemudahan yang telah diambil alih tersebut. Saya amat menyokong permintaan daripada **ADUN Batu Lanchang** yang memohon pembukaan Stadium Bandaraya kepada penggunaan orang awam tanpa bayaran setiap hari terutamanya penggunaan trek larian. Sekiranya MBPP tidak bersedia untuk berbuat demikian, Perbadanan Stadium bersedia untuk mengambil alih pengurusan stadium bandaraya tersebut.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Stadium Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan yang telah dibuka kepada orang awam untuk senaman jogging dan aktiviti larian sejak bulan Ogos 2020 telah mendapat sambutan yang amat baik. Pengguna trek balapan pada bulan Ogos adalah seramai 2551 orang, pada bulan September adalah seramai 2351 orang dan setakat 13 Oktober adalah seramai 823 orang.

Malahan saya juga menyeru MBPP agar buat masa ini (sebelum bersetuju dengan penyerahan pengurusan kepada Perbadanan Stadium) untuk mengkaji semula kebenaran membuka Stadium Bandaraya yang kini banyak dipohon oleh orang ramai untuk menggunakan satu-satu stadium yang ada di bandaraya Georgetown untuk aktiviti rekreasi sihat dengan berlari di atas trek balapan tersebut. Untuk makluman, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini juga perlu memohon kepada

pihak MBPP untuk menempah trek Stadium Bandaraya bagi tujuan latihan atlet sukan olahraga pada setiap hari Isnin, Rabu, Jumaat, Sabtu dan Ahad, dari 7:30 pagi ke 10:00 pagi dan 4:30 petang ke 7:30 petang dengan kadar sewaan diskaun 50% dari kadar asal RM150 sehari iaitu dengan pembayaran sebanyak RM75 sehari penggunaan trek balapan untuk menjalankan latihan olahraga.

Berkenan dengan Taman Bandaraya (*Youth Park*), seruan juga dipohon kepada MBPP untuk menyerahkan pengurusan kawasan tersebut kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

PEMBANGUNAN KEMUDAHAN SUKAN

Untuk menjawab hasrat pembangunan kemudahan sukan di Seberang Perai Utara yang dibangkitkan oleh **ADUN Bagan Dalam**, adalah dimaklumkan bahawa terdapat 3 projek pembinaan gelanggang futsal di daerah SPU sejak tahun 2018, iaitu di Telok Air Tawar (2018), Permatang Berangan (2019) dan Sungai Dua (2020). Pembinaan dan pembangunan kemudahan sukan tertakluk kepada permohonan dan permintaan daripada kawasan dan kadun adalah berdasarkan bajet yang disediakan juga.

Untuk makluman **ADUN Bertam**, Dewan Badminton di Kompleks Sukan Titi Mukim kini sedang dinaiktaraf semula melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dalam projek-projek Pembangunan Negeri dibawah P01/59 berjumlah RM396,990.00 yang melibatkan kerja-

kerja menaiktaraf semula permukaan lantai dewan gelanggang, penukaran pintu dewan, kerja naik taraf tandas, membaiki bumbung dewan dan mengecat semula dewan.

Selain itu, Kompleks Sukan Titi Mukim ini kini turut digunakan penuh masa sebagai tempat latihan atlet-atlet SUKMA dan Pelapis Negeri untuk sukan softball, sukan petanque dan sukan tinju. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha untuk menjadikan Kompleks ini sebagai pusat pembangunan sukan berprestasi tinggi untuk Daerah Seberang Perai Utara.

ADUN Bertam juga mengemukakan pertanyaan berhubung permohonan peruntukan untuk pemasangan lampu limbah di padang bola sepak, Kompleks Sukan dan Rekreasi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Bertam dan permohonan naik taraf padang lawn bowl.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, permohonan tersebut telah dimasukkan dalam senarai permohonan Projek Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11), Rolling Plan Ke 4 (RP4) dan Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK 12). MBSP juga telah mengemukakan permohonan melalui surat kepada Kementerian Belia Dan Sukan pada 19 Julai 2019 dan 2 Julai 2020. Berikutan itu, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Belia Dan Sukan.

Berkaitan Perasmian Stadium Hoki MBSP yang dibangkitkan oleh **ADUN Bertam**, *Certificate Of Practical Completion* (CPC) telah diterima pada 8

Oktober 2020 dan proses serah hak milik akan diadakan pada 7 November 2020 mengikut perancangan Kementerian Belia & Sukan (KBS).

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan isu projek penaiktarafan Kompleks Kolam Renang Seberang Jaya yang dibangkit oleh **ADUN Seberang Jaya**, adalah dimaklumkan bahawa penerimaan RFP Kolam Renang Awam Seberang Jaya telah ditamatkan pada 28 September 2020. Hanya terdapat satu (1) kontraktor yang menghantarkan dokumen RFP. Pihak PSDKLPP akan mengambil tindakan selanjutnya untuk mengkaji dan melantik penender yang berjaya.

Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh **ADUN Air Itam** mengenai cadangan pembinaan gelanggang futsal dan dewan terbuka di Padang Suria, adalah dimaklumkan bahawa saya telah memohon Pejabat Daerah untuk menyemak status pembangunan tanah tersebut sebelum merancang untuk pembinaan gelanggang futsal atau kemudahan sukan di atas tapak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan visi Penang 2030, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan rakyat negeri Pulau Pinang untuk bersukan. Infrastruktur sukan memainkan peranan utama dalam memupuk minat bersukan dalam kalangan rakyat. Kini, padang permainan, dewan badminton, gelanggang olahraga, dan kemudahan sukan yang lain telah dibina di

kawasan-kawasan tertentu. Kesediaan pihak kerajaan berbuat demikian adalah atas kesedaran bahawa sukan bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada individu tetapi juga memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, mulai tahun 2021, butiran “Projek 1 Kadun 1 Futsal” dan peruntukan ini akan ditukar kepada butiran “Naiktaraf Gelanggang Sukan Awam” dimana di bawah peruntukan RM1.5 juta ini, peruntukan boleh disalurkan untuk kerja-kerja pembinaan dan penaiktarafan kemudahan sukan selain gelanggang futsal selaras dengan visi Penang 2030 bagi mempelbagaikan kemudahan rekreasi dan sukan di negeri ini.

PERSATUAN BOLA SEPAK PULAU PINANG

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) kerana telah menjuarai Liga Premier pada tahun ini dan layak bertanding di Liga Super pada tahun 2021.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada **ADUN Air Putih, ADUN Air Itam, ADUN Batu Uban** dan ADUN-ADUN lain yang amat prihatin terhadap usaha sokongan bagi memantapkan pencapaian yang cemerlang oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).

Berkenaan isu MUFA yang mendapatkan pengiktirafan daripada FAM yang dibangkit oleh ADUN Batu Uban, adalah dimaklumkan bahawa satu perjumpaan dengan MUFA telah diadakan pada 8 Oktober 2020. Memandangkan MUFA adalah berpengalaman dalam program pembangunan bola sepak, saya telah bercadang supaya MUFA boleh bekerjasama dengan FAP untuk menjalankan program-program pembangunan bola sepak di negeri Pulau Pinang.

INISIATIF BELIA UNTUK MASA DEPAN (YOUTH FOR FUTURE)

Tuan Yang di-Pertua,

Belia adalah tonggak masa depan negara dan aset penting untuk pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, kita perlu menumpukan kepada pembangunan belia. “Belia Untuk Masa Depan” ataupun “*Youth For Future*” merupakan satu inisiatif yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri di bawah MMK Belia dan Sukan pada 23 November 2019 bagi membangunkan dan memperkasakan golongan belia di Pulau Pinang.

Melalui inisiatif “*Youth For Future*”, kita akan memberi fokus dari tiga (3) bidang utama dalam pembangunan belia iaitu: **(3P)**

- a. Pembangunan diri belia: merangkumi aspek kecerdasan emosional, kepimpinan, pembangunan kemahiran, pendidikan, dan minat belia;
- b. Pembangunan Penyertaan sosial: merangkumi aspek kesukarelawan dan kesedaran terhadap masalah sosial; serta
- c. Pembangunan Ekonomi: merangkumi bidang keusahawanan belia, dan pendedahan belia terhadap peluang kerjaya.

Sehubungan dengan itu, pelbagai program akan dilaksanakan berdasarkan kesesuaian kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada **ADUN Sungai Dua** dan **ADUN Machang Bubuk** yang menekankan aspek latihan kemahiran yang bertindak sebagai salah satu wadah bagi memperkasakan golongan belia di negeri kita.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, meskipun dunia dilanda pandemik Covid-19, usaha dalam perancangan dan pelaksanaan program-program membangunkan golongan belia negeri Pulau Pinang masih perlu diteruskan lagi.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menawarkan program latihan kemahiran kepada golongan belia kita yang merupakan satu platform bagi membantu mereka menceburi cabang laluan kerjaya yang diminati. Antara program yang telah berjaya dijalankan oleh PYDC pada tahun 2020 termasuklah:

- Bengkel Memasak yang mampu mengasah bidang **kemahiran kulineri** dalam kalangan belia,
- Peraduan Video Kreatif Belia Bertemakan “Pemanduan Mabuk” yang bertujuan memperkasakan **kemahiran sinematografi** dan **penyuntingan video**, serta
- Program penulisan lajur sempena Bulan Kebangsaan dan Bulan Pencegahan Bunuh Diri Sedunia bagi memantapkan **kemahiran menulis**

Tambahan pula, PYDC akan menganjurkan Sesi Muzik Jam Atas Talian (*Youth For Future: Live Music - The Jam House*) yang menawarkan platform bagi memperkasakan golongan belia dalam **kemahiran bidang seni muzik**. Bertitik tolak daripada hal ini, PYDC sedang merancang untuk menandatangani MOU dengan YMCA sebagai usahasama dalam perkara tersebut untuk pembangunan belia dari segi muzik dengan melahirkan lebih banyak pemuzik muda.

Program-program seperti Bengkel Seni: Lakaran Pensil serta Bengkel Latte Art dengan kerjasama 2F+ Coffee Roaster, Frank Laurent dan KK92 turut telah dirancang oleh PYDC untuk dilaksanakan pada tahun 2020 bagi memperkasakan golongan belia dalam **kemahiran bidang seni**.

PYDC juga menawarkan siri topik **Bengkel Pemantapan Kerjaya (Career Enhancement Program)** bagi memperkasakan dan meningkatkan **kemahiran insaniah serta daya saing** para belia dalam pasaran kerjaya. Antara contoh bengkel adalah seperti berikut:

- i. Bengkel Memahami Kehendak Majikan, Persediaan Resume dan Tip Efektif Untuk Menghadiri Temuduga;
- ii. Bengkel *Empowering Youth Through Digital Economy*;
- iii. Bengkel *IR 4.0 Awareness Workshop*;
- iv. *LiveNOW KOL Livestreaming Training Programme*;
- v. *Communication & Interpersonal Skills*, dll

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi pembangunan diri belia, PYDC juga telah menganjurkan Kursus Pertolongan Cemas pada tahun 2020 bagi menggalakkan golongan belia untuk dilengkapi dengan **kemahiran pertolongan cemas**.

PYDC juga menganjurkan program **Youth Coaching Clinic** (dengan izin) yang bertemakan *Coaching for High Performance*, iaitu *one-to-one coaching* oleh *panel coach* dari segi akademik, kerjaya dan kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan para belia dalam menghadapi cabaran hidup mereka, contohnya kemahiran menghadapi tekanan hidup. Program ini akan dijalankan pada 25 Oktober, 22 November dan 20 Disember tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

ADUN Seri Delima dan ADUN Machang Bubuk telah mengemukakan cadangan berhubung perniagaan atas talian ataupun *Ecommerce*.

Dalam era digitalisasi ini, PYDC telah melancarkan program **Platform Bakat Digital Belia Pulau Pinang** bagi melahirkan 1,000 orang belia yang dilengkapi dengan bakat digital dalam tempoh masa dua (2) tahun. Program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan baharu untuk belia dan membangunkan ekonomi gig di negara kita secara amnya dan Pulau Pinang secara khususnya. Platform ini turut berfungsi sebagai medium untuk memadankan bakat digital dengan permintaan pasaran melalui portal laman PYDC.

ADUN Seri Delima juga memberi cadangan berhubung bidang keusahawanan dalam kalangan belia. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang keusahawanan, **Program Youth Entrepreneurship Challenge** yang dianjurkan dibawah inisiatif “Belia Untuk Masa Depan” bertujuan menerapkan minat belia terhadap keusahawanan dan melahirkan golongan usahawan belia. Program ini terbuka kepada golongan belia

Pulau Pinang yang berasal atau bermastautin di negeri Pulau Pinang, berumur 18 tahun hingga 30 tahun yang berkeaktiviti dan berminat dalam bidang keusahawanan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 19 kumpulan yang telah mengambil bahagian dalam program ini. Antaranya termasuklah: Penisula College, KDU College, Han Chiang University College, Kolej Vokasional Batu Lanchang, dan penyertaan daripada individu yang lain. Di samping itu, program ini juga berperanan sebagai satu platform antara golongan ini dan perusahaan-perusahaan dari industri profesional. Pusingan akhir pertandingan ini akan diadakan pada 28 November 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu berkaitan penempatan kerja mahasiswa mahasiswi terutamanya golongan graduan telah mendapat perhatian **ADUN Seri Delima** dan **ADUN Batu Lanchang**. Seperti mana yang kita sedia maklum, golongan mahasiswa mahasiswi yang telah menamatkan pengajian juga adalah golongan yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat prihatin terhadap isu ini dan komited untuk membantu golongan graduan ini yang masih menganggur selepas tamat pengajian. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, PYDC telah melancarkan satu portal kerjaya yang dinamakan Platform **“We Want You”** melalui laman web rasmi PYDC pada 6 Jun 2020 yang dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang semasa tempoh PKPB bagi membantu golongan belia Pulau Pinang untuk memohon pekerjaan-pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Setakat ini, sebanyak 404 buah syarikat telah mengiklankan kekosongan jawatan, 421 jenis jawatan pekerjaan dan 1451 bilangan kekosongan jawatan boleh didapati atas portal kerjaya PYDC ini. Syarikat-syarikat yang mengiklankan peluang

pekerjaan atas laman web PYDC adalah berasal dari pelbagai bidang industri, termasuk MNC dan IKS (Industri Kecil dan Sederhana).

Untuk makluman ahli dewan juga and menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh **ADUN Permatang Berangan**, demi membangunkan golongan mahasiswa mahasiswi di Pulau Pinang, siri **Program Pemerkasaan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Pulau Pinang (Penang Higher Learning Institution Student Enrichment Program)** telah dianjurkan dengan kerjasama Institusi-institusi Pendidikan Tinggi di Pulau Pinang untuk menjalankan pelbagai program yang bertujuan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan meningkatkan kemahiran mahasiswa-mahasiswi dari segi kemahiran insaniah supaya bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan dan turut membantu mengurangkan isu-isu pengangguran dalam kalangan graduan. Program ini dijalankan dari bulan September hingga ke Disember tahun 2020 ini. Professional trainer atau coach, pakar-pakar daripada industri telah dijemput untuk menjayakan program ini. Fokus untuk program ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui bengkel-bengkel dan projek usahasama dengan prinsip *Problem-based and Activity-based learning*. Jadual pelaksanaan program adalah seperti berikut:

Bil	Program	Tarikh & Lokasi
1	Penang Higher Learning Institutions Student Enrichment Program 2020 a) UOW Malaysia KDU Penang (Virtual) i) Entrepreneurship- Be Your Own Boss ii) Problem Solving Through Critical Thinking & Creative Thinking iii) Public Speaking and Presentation Skills iv) Marketing Plan v) Digital Business & E-commerce	 25 September 2020 2 Oktober 2020 9 Oktober 2020 16 Oktober 2020

vi) Self-Motivation: Leading to Personal Excellence (Face to Face)	23 Oktober 2020 4 November 2020
b) USM Penang (Virtual)	
i) Effective Resume Writing & Interview Skills	22 Oktober 2020
ii) Self-Leadership: Leading to Personal Excellence	3 November 2020
iii) Leadership – Strategic Approach to Leading Team	24 November 2020
iv) Negotiation & Influencing Skills	8 December 2020
c) Disted College	
i) Leadership – Strategies Leading to Team Success (Face to Face)	7 Oktober 2020
d) INTI Universiti College: (Virtual) Selling Your Philosophy Before Selling Your Products	5 Oktober 2020
e) Han Chiang College: (Virtual) Career Marketing	12 Oktober 2020
f) Universiti Teknologi Mara (KB) : (Virtual) Packaging Technology	19 Oktober 2020
g) PSDC : Lean Manufacturing (Virtual)	26 Oktober 2020
h) IPK College Penang : Leadership - Strategic Approach to Leading Team (Virtual)	1 Oktober 2020 8 Oktober 2020
i) Equator College: Remote Working Professional (Virtual)	15 Oktober 2020
j) TARUC : Communication and Interpersonal Skills (Virtual)	29 Oktober 2020
k) Sentral College : Professional Resume and Job Interview (Virtual)	9 November 2020
l) Reliance College- Tourism : Personal Presentation and Grooming (Virtual)	16 November 2020

m) Advance Tourism International College : Personal Presentation and Grooming (Virtual)	23 November 2020
n) Advance Tertiary College : Self-Discovery & Motivation (Virtual)	30 November 2020
o) IVC : Lean Kaizen (Face to Face)	5 November 2020
p) Politeknik Balik Pulau : Becoming KOL (Face to Face)	12 November 2020
q) Adventist College : Managing Job and Workplace Stress (Virtual)	19 November 2020
r) SEGi College : Problem Solving Through Critical Thinking (Virtual)	19 Oktober 2020 (Isnin)
s) Kolej Vokasional Batu Lintang : (Face to Face)	21 Oktober 2020 (Rabu)
i) Becoming a KOL	26 Oktober 2020 (Isnin)
ii) Professional Resume and Job Interviews	2 November 2020 (Isnin)
iii) e-Commerce	9 November 2020 (Isnin)
iv) Packaging Technology	
v) Problem Solving Through Creative Thinking	

Selain golongan mahasiswa yang terkesan, bagi mendedahkan golongan belia kepada pelbagai bidang kerjaya, **Program Bengkel Penerokaan Kerjaya** juga telah diadakan pada tahun ini sebelum penularan wabak Covid-19:

- i. KADUN Sungai Puyu : SMJK Chung Ling Butterworth;
- ii. KADUN Bagan Jermal : SMK Mak Mandin;
- iii. KADUN Batu Lintang : SMK Jelutong;
- iv. KADUN Pulau Tikus : St George Girl's School; dan
- v. KADUN Seri Delima : SMK Hamid Khan

Program telah ditangguhkan disebabkan penularan pandemik Covid-19 dan telah dilaksanakan secara atas talian. Sebanyak 47 sesi perkongsian kerjaya atas talian telah dijalankan melalui laman Facebook PYDC sepanjang tempoh PKP hingga bulan Oktober 2020. Program ini juga berjaya menarik jumlah *view* sebanyak 64,227 atas laman Facebook PYDC.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung cadangan yang diutarakan oleh **ADUN Seri Delima** bagi membangunkan potensi dan nilai kepimpinan golongan belia, kerajaan negeri sememangnya sentiasa komited untuk menerapkan nilai-nilai kepimpinan dalam diri setiap belia. Mesyuarat MMK pada bulan Ogos 2020 telah meluluskan cadangan penetapan kuota dua (2) orang belia dalam keanggotaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Penetapan kuota dua (2) orang belia ini adalah terdiri daripada seorang belia lelaki dan seorang belia perempuan yang berumur antara 21 tahun hingga 35 tahun. Kuota wanita adalah termasuk dalam syarat pelantikan anggota MPKK iaitu 30% keanggotaan adalah terdiri daripada kalangan wanita. Selain itu, Biro Belia, Sukan dan NGO dalam MPKK hendaklah diketuai oleh belia sama ada lelaki atau wanita.

Untuk makluman **ADUN Seri Delima** dan **ADUN Pengkalan Kota** yang bertanyakan berkenaan perhubungan dua hala antara belia dan kerajaan, penglibatan golongan belia dalam MPKK ini dapat membantu pemuda pemudi tempatan untuk bersama-sama Kerajaan Negeri dalam menyuarakan isu-isu berbangkit serta menggerakkan program-program pembangunan belia dalam kawasan berkaitan di samping dapat menerapkan nilai-nilai nilai kepimpinan dalam diri mereka.

Di samping itu, bagi meningkatkan pendedahan belia dalam bidang politik serta memupuk nilai kepimpinan, Bengkel Demokrat Muda telah diteruskan tahun ini dan diadakan pada 15 hingga 16 Februari 2020 dan 7 Hingga 8 Ogos 2020. Kedua-dua sesi Bengkel Demokrat Muda telah menarik penyertaan sebanyak 34 orang peserta. Para peserta yang berprestasi baik dipilih untuk menyertai Sidang Muda bagi membahas usul simulasi pada 2 hingga 3 Oktober 2020. PYDC juga telah menghantar surat kepada ADUN-ADUN setiap kali sebelum Bengkel Demokrat Muda diadakan supaya pihak ADUN boleh mencadangkan calon-calon belia untuk menyertai bengkel tersebut. Setakat kini, sebanyak 3 Kadun telah menghantar calon belia untuk menghadiri program ini termasuklah Kadun Seri Delima (1 calon), Kadun Komtar (2 calon) dan Kadun Bagan Jermal (1 calon). PYDC akan mengkaji dan menukar modul Bengkel Demokrat Muda dan Sidang Muda bagi menjadikan tarikan untuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam program ini seperti yang dicadangkan oleh **ADUN Seri Delima**. PYDC akan memperluaskan program ini dengan memohon setiap Adun Kawasan mencalonkan 3 hingga 5 orang belia di KADUN masing-masing untuk menghadiri Bengkel Demokrat Muda dan pada bulan Februari dan Julai 2021 dan Sidang Muda sebelum Sidang Dun 2021.

Berkenaan persoalan yang dibangkitkan oleh **ADUN Permatang Pasir**, sememangnya ia amat sukar untuk mengangkat golongan belia sebagai pemimpin utama di arena politik berikutan kekurangan pengalaman dalam bidang ini. Justeru itu, penglibatan golongan belia dalam MPKK serta program sidang muda ini mampu dijadikan sebagai titik permulaan atau medium dalam membentuk mereka sebagai pemimpin utama.

Kempen UNDI 18 juga dianjurkan untuk memberi pendedahan yang lebih lanjut kepada golongan belia tentang pelaksanaan kempen UNDI 18, hak mengundi, pindaan umur pengundi serta umur ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri serta mengumpulkan pandangan belia atas pelaksanaan kempen ini. Usul pindaan umur calon Ahli Dewan Undangan Negeri daripada umur 21 tahun ke 18 tahun akan dikemukakan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri tahun depan. Setakat ini, Kempen UNDI18 telah dijalankan di daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah pada 15 Ogos 2020 dan 3 Oktober 2020. Kempen UNDI 18 disasarkan untuk dianjurkan di setiap daerah dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada inisiatif “Belia Untuk Masa Depan” dari segi pembangunan sosial pula, objektifnya adalah untuk menggalakkan penyertaan belia dalam aktiviti sosial dan pembangunan masyarakat, serta meningkatkan kesedaran belia terhadap isu-isu gejala sosial.

Untuk makluman **ADUN Batu Uban, ADUN Bagan Dalam dan ADUN Permatang Berangan**, bagi memberi pendedahan awal kepada golongan belia terhadap bahaya penyalahgunaan dadah, Program Pendidikan & Kerjaya 2020 Bersama Murid yang tertumpu kepada kumpulan pelajar sekolah menengah telah dianjurkan oleh pihak PYDC bersama ADUN, PDRM, AADK, Jabatan Penjara pada tahun 2019 dan diteruskan lagi pada bulan Januari dan Februari tahun 2020. Namun begitu, program ini telah ditangguhkan susulan penularan pandemik Covid-19 di negara kita. Program tersebut telah dianjurkan dengan kerjasama Kadun Sungai Bakap, Kadun Batu Uban, Kadun Air Itam, Kadun Batu Lancang, Kadun Seri Delima, Kadun Penanti dan akhirnya juga Kadun saya, Kadun Bagan Jermal. Projek Pemeriksaan Air Kencing

di Sekolah-sekolah menengah juga telah dianjurkan oleh PYDC dengan kerjasama AADK dan Kadun Air Itam di SMK Air Itam, SMK Georgetown dan SMJK Chung Ling.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada **ADUN Sungai Dua** dan **ADUN Bertam** yang prihatin dengan pembangunan belia di luar bandar. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri Pulau Pinang melalui PYDC bersama dengan Sukarelawan Belia Pulau Pinang telah menjalankan Kajian Pembangunan Program “Belia Untuk Masa Depan” melalui kaedah soal selidik di kawasan luar bandar. Tujuannya adalah untuk memahami keperluan dan minat belia agar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Setakat ini, Kajian Pembangunan Program “Belia Untuk Masa Depan” telah dijalankan di kawasan berikut :

- i. KADUN Penaga : Kampung Padang Tembusu (19 Julai 2020);
- ii. KADUN Penaga : Kampung Guar Tuan Syed (24 Julai 2020);
- iii. KADUN Bertam : Kampung Datuk, Kampung Setol dan Kampung Kovil (20 - 25 September 2020).

Sebanyak 214 hasil kajian yang telah dikumpulkan dalam ketiga-ketiga kajian ini. Sehubungan dengan itu, pelbagai Program “Belia Untuk Masa Depan” telah dijalankan berdasarkan hasil kajian tersebut.

Program yang dijalankan adalah:

- i. Bengkel Memasak & Taklimat E-dagang yang telah dijalankan pada 8 Ogos 2020 di Dewan Penempatan Banjir Pengkalan Bonggol , Penaga;
- ii. Bengkal Memasak Sesi ke-2 yang telah dijalankan pada 5 September 2020 di Pusat Sukan dan Kebudayaan Tiong Hua Kepala Batas; dan

iii. Bengkel Penjenamaan & Pemasaran yang telah dijalankan pada 26 September 2020 di Dewan Haji Ahmad Maliki, Bertam.

Inisiatif ini akan diteruskan di Kawasan-kawasan lain termasuk rumah pasang dan bandar. ADUN yang berminat untuk bekerjasama boleh menghubungi PYDC atau pejabat saya untuk tindakan lanjut.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Rancangan MMK Belia dan Sukan dan PYDC untuk **Mewujudkan 40 Pusat Belia di Negeri Pulau Pinang dimana 1 Pusat Belia akan diwujudkan di setiap KADUN.**

Sehubungan dengan itu, di bawah kerjasama antara PYDC, MPKK Guar Kepah dan Pejabat Penyelaras Khas Penaga, Dewan Penempatan Banjir Pengkalan Bonggol juga dijadikan sebagai Pusat Belia Penaga. Objektif mewujudkan pusat belia adalah untuk (1) merangsang penglibatan belia dalam program-program dan aktiviti-aktiviti komuniti, (2) membekalkan satu ruang aktiviti untuk para belia bagi berinteraksi dan berkongsi idea-idea kreatif serta (3) menggalakkan penganjuran program belia di Kawasan tersebut. Pusat Belia Penaga dijangka akan sedia guna pada bulan November ini. Pusat Belia di Stadium Batu Kawan dan Kadun Penanti juga adalah dalam perancangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan **Sukarelawan Belia Pulau Pinang** yang dinyatakan tadi, ianya telah dilancarkan pada 1 Mac 2020 dan merangkumi 7 Kategori, iaitu Sukan, Pendidikan, Seni dan Budaya, Pertolongan Cemas, Bencana Alam, Kerja Amal, dan Alam Sekitar. Setakat ini, program ini telah mencatatkan seramai 410 orang sukarelawan belia. Aktiviti dan latihan diadakan pada setiap bulan untuk memberi pendedahan kepada sukarelawan belia dan meningkatkan kemahiran mereka. Sekiranya

terdapat penganjuran program dan aktiviti, ADUN dan agensi-agensi kerajaan boleh mengemukakan permohonan kepada PYDC bagi kerjasama dengan Sukarelawan Belia.

Tuan Yang di-Pertua,

ADUN Sungai Dua juga menyarankan agar melahirkan modal insan berkemahiran dan berkepasaran tinggi. Kerajaan negeri amat mengalu-alukan saran tersebut dan untuk makluman **ADUN Sungai Dua**, PYDC sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan persatuan-persatuan belia bagi melaksanakan program-program pembangunan belia. Pihak persatuan juga boleh mengemukakan kertas kerja kepada PYDC bagi kerjasama program-program yang dirancang. Untuk makluman juga, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 secara one-off kepada persatuan-persatuan belia yang aktif di Pulau Pinang untuk memohon dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan visi Kerajaan Negeri bagi memupuk minat belia serta melahirkan altet-altet Esukan yang berdaya saing dan bertaraf antarabangsa dengan mempromosikan Esport secara positif sebagai satu elemen pembinaan kerjaya, peningkatan kemahiran dan keusahawanan terutamanya kepada golongan belia, PYDC juga menganjurkan siri program Esukan bagi mencungkil bakat-bakat belia dan bidang tersebut. Program yang telah dianjurkan pada tahun 2020 seperti berikut:

- i) Pertandingan DOTA 2 Pulau Pinang 2020
- ii) Pertandingan CSGO Pulau Pinang 2020
- iii) Liga Duduk Rumah - Penajaan
- iv) Kejohanan Esports Pulau Pinang 2020

PYDC adalah sebuah agensi kerajaan negeri yang memberi fokus kepada pembangunan belia. Pelbagai program pembangunan belia telah dilaksanakan di bandar mahupun luar bandar. PYDC akan terus berusaha untuk melaksanakan inisiatif “Belia Untuk Masa Depan” demi pembangunan belia di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua,

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menambah nilai dan memperkukuhkan lagi mutu penyampaian di bawah portfolio Belia dan Sukan untuk pembangunan menyeluruh di peringkat negeri.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

---TAMAT---